



Headline: Pesara rugi RM529,300 selepas terima panggilan telefon scammer
Language: Malay
Publication/Portal: Kosmo
Date: 17 July 2022
Section: Negara
Page: 12

Pesara rugi RM529,300 selepas terima panggilan telefon scammer

JOHOR BAHRU – Seorang pesara lelaki mengalami kerugian sejumlah RM529,300 gara-gara diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis.


Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, mangsa berusia 85 tahun itu hanya menyedari menjadi mangsa penipuan ketika membuat semakan akaunnya Khamis lalu.

Beliau berkata, mangsa menerima panggilan dari suspek pada pertengahan Mei lalu yang menakutkan mangsa dengan memberitahu dia terlibat aktiviti perubahan wang haram dan akaun banknya akan disiasat pihak berkuasa.

"Mangsa yang terpedaya dengan kata-kata suspek telah mengikut arahnya dengan memindahkan semua wang miliknya ke dalam salah satu akaun bank yang lain.

"Mangsa itu juga turut menyerahkan akses perbankan dalam talian akaun berkenaan selain menyerahkan kad ATM miliknya kepada suspek.

"Transaksi dilakukan oleh suspek sejak 26 Jun hingga 6 Julai lalu dengan pengeluaran awal yang dilakukan adalah RM10,000 melalui mesin ATM



MANGSA ditipu Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis.

dan RM30,000 melalui pemindahan wang," katanya dalam kenyataan semalam.

Kamarul Zaman memberitahu, mangsa telah membuat semakan akaun miliknya mendapati wang berjumlah RM529,300 telah 'lesap' dari akaun tersebut tanpa pengetahuannya.

Beliau berkata, hasil semakan yang dilakukan warga emas itu

mendapati wang simpanannya telah dipindahkan kepada beberapa pihak yang tidak kenali.

"Mangsa mengesyaki dirinya telah ditipu dan telah membuat laporan polis pada semalam," jelasnya.

Kes disiasat di bawah seksyen 420 kanun keseksaan dan akaun bank individu tidak dikenali itu turut disiasat.